

BULETIN ICAN

UiTM NEGERI SEMBILAN

NOVEMBER 2022



**BULETIN ICAN UiTM NEGERI SEMBILAN
BULETIN RASMI, BAHAGIAN PENYELIDIKAN, JARINGAN
INDUSTRI, MASYARAKAT DAN ALUMNI (PJIM&A), UiTM
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN (UiTMCNS)
EDISI NOVEMBER 2022**

Diterbitkan oleh:

Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Negeri Sembilan
Pekan Parit Tinggi, 72000
Kuala Pilah, Negeri Sembilan
Tel : 606-4832100
Faks : 606-4832449

Tiada mana-mana bahagian dari majalah ini yang boleh diubah, disalin, diedar, dihantar semula, disiarkan, dipamerkan, diterbitkan, dilesenkan, dipindah, dijual dalam apa bentuk sekalipun tanpa mendapat kebenaran secara bertulis.

PENAFIAN: Sebarang maklumat yang terkandung dalam majalah ini merupakan pengetahuan dan pendapat peribadi penulis artikel. Pembaca dinasihatkan untuk mendapatkan pandangan profesional sebelum mengikuti mana-mana maklumat dalam majalah ini. Pihak universiti, penerbit dan sidang redaksi tidak akan bertanggungjawab dan menanggung sebarang risiko atas kerugian secara langsung atau tidak langsung atas maklumat yang dipaparkan.

@2022 Hakcipta PJIM&A UiTMCNS
@2022 Reka Bentuk PJIM&A UiTMCNS
Hakcipta Terpelihara

BAHAGIAN PENYELIDIKAN, JARINGAN INDUSTRI, MASYARAKAT DAN ALUMNI (PJIM&A), UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN (UiTMCNS)

eISSN : 2811-3802
Perpustakaan Negara Malaysia
Majalah ini diterbitkan sekali setahun
@2022 Hakcipta Terpelihara

SIDANG REDAKSI

**PENAUNG
PROF. DR YAMIN YASIN**

**PENASIHAT
DR. SITI SARA IBRAHIM**

**KETUA EDITOR
ASMAHANIM HAJI MOHAMAD YUSUF**

**KETUA JAWATANKUASA EDITOR
NIK MAHFUZAH NIK MAT**

**JAWATANKUASA EDITOR
DR. ZAHRIL SHAHIDA AHMAD
AHMAD HUSAINI MOHAMED
DR. ASIAH ABDULLAH
AMIRAH HJ. ABU HASSAN**

**KETUA GRAFIK & SUSUN ATUR
FATIN ALIYAH HASSAN**

**JAWATANKUASA GRAFIK & SUSUN ATUR
MOHD FAISAL MD. NOOR
NADYA HAJAR
SITI NUR FADZILAH ABDULLAH**

PRAKATA REKTOR UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh & Salam Sejahtera

Settinggi-tinggi kesyukuran dilafazkan kepada Tuhan Pencipta Alam kerana dengan izin-Nya Unit ICAN, PJIM&A UiTM Cawangan Negeri Sembilan (UiTMCNS) akhirnya dapat menghasilkan sebuah dokumen berinformasi dalam bentuk buletin.

Tahniah dan Syabas saya ucapkan kepada sidang redaksi yang terlibat dalam menerbitkan BULETIN ICAN ini secara berkala. Penerbitan Buletin ini dapat memberi publisiti terhadap semua aktiviti yang melibatkan warga UiTMCNS. Pada masa yang sama dapat menyerlahkan lagi idea, pencapaian, kreativiti, dedikasi dan kerjasama yang sangat baik bersama industri, komuniti dan alumni.

Diharapkan Buletin ini, dapat menjadi platform untuk berkongsi ilmu, pengalaman dan kepakaran kepada warga UiTMCNS dan komuniti luar. Semoga usaha murni ini juga, menjadi salah satu wadah bernilai dan meningkatkan imej UiTMCNS dalam memberi manfaat kepada semua pembaca.

Sekian, Terima Kasih.

PROF. DR YAMIN YASIN
REKTOR
UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN



KATA ALU-ALUAN

TIMBALAN REKTOR

PENYELIDIKAN, JARINGAN INDUSTRI, MASYARAKAT & ALUMNI (PJIM&A)

Assalamualaikum w.b.t

ALHAMDULILLAH, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, Buletin ICAN UiTM Negeri Sembilan edisi ke-2 berjaya diterbitkan. Sekalung tahniah diucapkan kepada sidang redaksi di bawah Unit ICAN UiTM Cawangan Negeri Sembilan diatas komitmen dalam penerbitan tahun 2022 ini. Seperti semua maklum, ICAN UiTM Cawangan Negeri Sembilan telah banyak membantu Universiti dalam memenuhi sasaran KPI kampus melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan samada secara fizikal mahupun “online” bersama pihak industri, masyarakat dan alumni. Ianya juga menyokong kepada objektif ICAN sendiri dalam membina hubungan yang baik bersama pihak berkepentingan untuk manfaat seluruh warga Universiti mahupun masyarakat setempat.

Oleh yang demikian, penerbitan Buletin ICAN UiTM Negeri Sembilan dilihat sebagai usaha yang baik dalam strategi visibiliti kampus, mahupun Universiti kearah GRU 2025 melalui hebahan aktiviti-aktiviti bersama warga, masyarakat, industri dan alumni sepanjang tahun 2022 ini. Karya yang dicoretkan didalam buletin ini juga mampu memberikan nilai tambah kepada pembaca-pembacanya melalui garapan daripada warga pendidik, pelajar dan juga alumni UiTM Cawangan Negeri Sembilan sendiri. Semoga dengan penerbitan buletin ini juga dapat menyumbang kepada idea-idea dan juga semangat dalam menyemarakkan lagi aktiviti-aktiviti warga UiTM Cawangan Negeri Sembilan bersama-sama pihak industri, masyarakat dan juga alumni.

Sekali lagi Tahniah dan Syabas saya ucapkan kepada Koordinator Unit ICAN UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Puan Asmahanim Haji Mohamad Yusuf serta ahli jawatankuasa dan sidang redaksi Buletin ICAN UiTM Negeri Sembilan atas kejayaan menerbitkan buletin ICAN bagi tahun 2022. Semoga usaha murni ini dapat memberikan manfaat kepada semua pembaca.

Sekian, Terima Kasih.

DR. SITI SARA IBRAHIM
TIMBALAN REKTOR
PENYELIDIKAN, JARINGAN INDUSTRI,
MASYARAKAT & ALUMNI (PJIM&A)



DARI MEJA KETUA EDITOR

Assalamualaikum w.b.t ,

Alhamdulillah dengan izin-Nya, dapat sekali lagi kita saksikan sebuah penerbitan yang menjadi kebanggaan warga Unit ICAN UiTMCNS iaitu Buletin ICAN UiTMCNS. Sekalung penghargaan, penghormatan dan tahniah diberikan kepada Team Sidang Redaksi 2022 atas berkat usaha dan perkhidmatan yang tidak mengenal erti jemu dan penat dalam menyiapkan wadah yang cukup bermakna bagi seluruh warga UiTMCNS. Terima kasih yang tidak terhingga juga diucapkan kepada penulis-penulis yang bertungkus lumus menyiapkan penulisan yang berkualiti untuk diterbitkan di dalam Buletin ICAN UiTMCNS tahun 2022 ini. Setinggi penghargaan juga diucapkan kepada Dr. Siti Sara Ibrahim, Timbalan Rektor, Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni (PJIM&A) UiTM Cawangan Negeri Sembilan atas sokongan dan bantuan yang telah diberikan.

Buletin ICAN UiTMCNS ini turut menjadi medium bagi warga UiTMCNS berkongsi segala pelaporan aktiviti jaringan industri, masyarakat dan alumni bagi tahun 2022 untuk dijadikan kenang-kenangan. Penghasilan Buletin ICAN UiTMCNS 2022 ini bukan sahaja merekod pelaporan aktiviti sepanjang 2022 bahkan merakamkan kecemerlangan UiTMCNS dalam pelbagai sudut.

Sebagai ketua editor Buletin ICAN UiTMCNS, saya mewakili Team Sidang Redaksi 2022 ingin memohon maaf jika terdapat kelemahan dan kekurangan dalam penghasilan Buletin ini. Sesungguhnya, kami telah memerah kudrat agar Buletin ICAN UiTMCNS 2022 akan tetap tersemat di hati warga UiTMCNS. Semoga dengan penghasilan majalah ini, semua kenangan dan memori sepanjang perlaksanaan aktiviti jaringan industri, masyarakat dan alumni bersama UiTMCNS dapat di potretkan untuk tatapan masa yang akan datang.

Sekian, terima kasih.

"ICAN: MEMANGKIN USAHA SAMA INDUSTRI, ALUMNI & KOMUNITI"

KETUA PENGARANG
ASMAHANIM BINTI HAJI MOHAMAD YUSUF



ISI KANDUNGAN

PENGENALAN UNIT ICAN UiTM CNS

i

| | |
|--|--------------|
| LAWATAN KE JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI SEMBILAN SUHAILA SHARIL & ROHAIDA AWANG NIK | 1-2 |
| MAHASISWA UITM NEGERI SEMBILAN SUMBANG TENAGA BANTU MANGSA BANJIR MOHD ZULHILMI BIN MOHD YUNUS | 3 |
| PROGRAM KASIH RAMADHAN FSKM 2022 JAMILAH OTHMAN, ROSNANI ABDULLAH, NURALINA AZLAN | 4-5 |
| LAWATAN KHIDMAT MASYARAKAT DAN PERUNDINGAN KE MADRASAH AZ ZAKIRIN, CHENGKAU, REMBAU, NEGERI SEMBILAN AHMAD AZMAN BIN MOHAMAD RAMLI, NOOR FARALIZA BINTI SAMSUDIN, NORHIDAYU BINTI MD YATIM, SITI KHAIRIYAH BINTI NOORDIN | 6-7 |
| CSR RAMADHAN PPKAS PRIHATIN – MASYARAKAT DISANTUNI MAZNI MUSA, AHMAD HUSAINI MOHAMED, SHEIKH AHMAD IZADDIN SHEIKH MOHD. GHAZALI, JAMIL MOHAMED SAPARI, NUR RAHIMAH SAID | 8-9 |
| JABATAN FIZIK & SAINS BAHAN SANTUNI KOMUNITI KAMPUNG SERI PILAH SITI NAFISAH MD RASHID DAN ALLINA NADZRI | 10-11 |
| PROGRAM PERKAMPUNGAN ILMU SMK SENAWANG RODHIAH BINTI AMZAH, NIK MAHFUZAH BINTI NIK MAT, SITI NUR AISYAH BINTI JUHARI & NUR FARAHIN NADIA BINTI ASNOR | 12-14 |
| ART & CRAFT FOR KIDS BERSAMA MURID SEKOLAH KEBANGSAAN PILIN SUTINA JUNOS & AHMAD SOUFIEAN OTHMAN | 15-16 |
| 'COLLEGE SWEET COLLEGE' PERTANDINGAN KEBERSIHAN DAN KECERIAAN KOLEJ UITM KAMPUS REMBAU SUTINA JUNOS, AHMAD SOUFIEAN OTHMAN, MASITAH AHMAD, NOOR AZILLAH MOHAMAD ALI' & SITI' AISHATUL-HUMAIRAH MUHAMMAD FISOL | 17 |
| PROGRAM WE CARE WE SHARE ALIA NADIRA ROSLE | 18-19 |
| PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT – TAUTAN KASIH UITM DAN KOMUNITI AHMAD HUSAINI MOHAMED, MAZNI MUSA, SITI SYAIDA SIRAT, JAMIL MOHAMED SAPARI | 20-21 |
| LARIAN MAYA 5KM BERSEMPENA SAMBUTAN JUBLI EMAS MASSCOMM UITM FARAH HAZWEEN AMANAH, NURLIYANA KAMILAH KHAIRUL ANUAR, MUHAMMAD AZRIL IZUAN RAMLAN | 22 |
| TEKNIK BACAAN PANTAS DAN PERKONGSIAN ALUMNI FADDLIZA MOHD ZAKI, JASHIRA JAMIN, NURHIDAYAH NASHARUDIN, AHMAD AZMAN MOHAMAD RAMLI, SERI INTAN IDAYU SHAHRUL ASARI | 23-24 |

ISI KANDUNGAN

| | |
|--|--------------|
| A NATIONAL E-SPORT DAY OF UITM 2022 NUR LINA ABDULLAH, ZATI AQMAR ZAHARUDIN, NOR AISHAH MD NOH, ABDULLAH YAHYA DAN SITI AISHAH MOHD SHAFIE | 25-27 |
| ALUMNI HOMECOMING HI-TEA 2022 ASMAHANIM BINTI HAJI MOHAMAD YUSUF, SITI NUR FADZILAH ABDULLAH & NOR ASHIKIN SAHROM | 28-29 |
| ALUMNI TALK SHOW: KERJAYA & KENANGAN NUR LINA ABDULLAH, ASMAHANIM HAJI MOHAMAD YUSUF, ASIAH ABDULLAH DAN NURUL AINI ABDUL WAHAB | 30-32 |
| WEBINAR 'HERO TO CEO' FADDLIZA MOHD ZAKI, ASMAHANIM HAJI MOHAMAD YUSUF, DR RAJA MAYANG DELIMA MOHD BETA, AMIRAH HAJI ABU HASSAN, MOHD FAISAL MD. NOOR | 33-34 |
| WEBINAR TAKLIMAT MY STARFISH FOUNDATION ZAHRIL SHAHIDA AHMAD & AMIRAH HAJI ABU HASSAN | 35-36 |
| KERJASAMA AKADEMIK DAN INDUSTRI PERUSAHAAN MI KUNING NURUUL HIDAYAH MANSOR, NURUL AZLIN TOKIMAN, NADYA HAJAR, BOON YIH TIEN DAN NAEMAA MOHAMAD | 37 |
| SEMINAR ERMS DGFLO MOHD FAIZAL BIN MOHD RAMSI & SITI KHAIRIYAH NORDIN | 38-39 |
| JARINGAN ANTARABANGSA SECARA MAYA UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN DAN UNIVERSITAS AIRLANGGA KE ARAH MELAHIRKAN GRADUAN YANG DINAMIK ASIAH ABDULLAH, NOR AKMALAZURA JANI, WAN ELINA FARADILLA WAN KHALID, MAZNI MUSA | 40-41 |
| SEMINAR PENGURUSAN KEWANGAN YANG EFEKTIF NOOR AZILLAH MOHAMAD ALI, SYAZLIANA KASIM, SUTINA JUNOS | 42-44 |
| INFOGRAFIK SEMUA AKTIVITI-AKTIVITI YANG DIJALANKAN OLEH KELAB COMPUTING SOCIETY 21/22 (COMSOC) ROSNANI BINTI ABDULLAH, ABDUL QADIR BIN ABDUL ARIFF, NUR AMIRA AQASYAH BINTI ROSMIZAN DAN NUR HAZIRAH BINTI MOHD ESA | 45-46 |
| PROGRAM "YOUR CAREER PATH BEGINS HERE!" MEMACU KEBOLEHPASARAN GRADUAN SITI AISHAH MOHD SHAFIE, NOOREZATTY MOHD YUSOP, NURALINA AZLAN, NOR AKMAL MD NOH | 47-48 |
| MAKLUMAN AWAL VSSPT 3.0 SESI 2022/2023 DR WAN ZUMUSNI HI WAN MUSTAPHA, DR TINY AZLEEN YAHAYA DAN DATIN DR ROMAIZAH ABDUL KADIR | 49-51 |
| PROGRAM "PREPARING YOUR BATTLE: GUIDE ON INTERVIEW" MELAHIRKAN GRADUAN PILIHAN MAJIKAN JAIDA NAJIHAH JAMIDIN, NOOR AISYAH IDRIS, SITI SARAH JANURI, ZAITUL ANNA MELISA MD YA SIN, SITI AISHAH MOHD SHAFIE | 52-54 |

PENGENALAN


UNIT ICAN

UiTMCNS

ICAN (Industry, Community, Alumni Network) merupakan salah sebuah unit yang beroperasi di bawah Bahagian Penyelidikan, Masyarakat, Jaringan Industri & Alumni UiTM Cawangan Negeri Sembilan (UiTMCNS). Unit ini diketuai oleh seorang koordinator yang dibantu oleh tiga (3) orang penyelaras bagi menjalankan fungsi-fungsi unit ICAN di kampus Kuala Pilah, kampus Seremban dan kampus Rembau.

Unit ICAN bertanggung jawab menghubungkan jaringan, usahasama serta perkongsian antara pihak UiTMCNS bersama pihak berkepentingan luar yang melibatkan Industri, Komuniti dan Alumni. Bagi melancarkan gerak kerja tersebut, empat (4) bahagian utama telah diwujudkan di dalam unit ini iaitu Community Network Centre (CNC) Industry Network Centre (INC), Alumni Network Centre (ANC) dan Graduate Employability (GE).

CARTA ORGANISASI ICAN UITMCNS 2022



PROGRAM PERKAMPUNGAN ILMU SMK SENAWANG

RODHIAH BINTI AMZAH, NIK MAHFUZAH BINTI NIK MAT,
SITI NUR AISYAH BINTI JUHARI & NUR FARAHIN NADIA BINTI ASNOR

Persatuan Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan (UiTMCNS), Kampus Seremban dengan kerjasama Akademi Pengajian Bahasa (APB), Kampus Seremban telah menjalankan satu projek komuniti "Program Perkampungan Ilmu" bersama dengan pihak Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Senawang. Program ini telah berjaya dijalankan secara bersemuka pada 2 September 2022 (Jumaat) dan berakhir pada 4 September 2022 (Ahad), yang melibatkan sejumlah 80 orang pelajar calon Sijil Menengah Malaysia (SPM) dari SMK Senawang, 15 orang fasilitator dari pihak GPMS dan 9 orang penceramah dari kalangan pensyarah APB Kampus Seremban.

Tujuan program ini diadakan bertujuan memperkasakan usaha sama antara GPMS Kampus Seremban bersama APB Kampus Seremban melalui penglibatan pihak sekolah serta Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SMK Senawang. Selain itu, program ini juga diadakan untuk memberi peluang kepada calon-calon peperiksaan SPM yang terpilih dari SMK Senawang untuk merasai sendiri kemudahan dan fasiliti yang ada di UiTMCNS Kampus Seremban serta memberi mereka pendedahan awal berkenaan kehidupan sebenar di kampus. Pihak Sekolah juga menanam harapan agar dengan pendedahan awal tersebut dapat meningkatkan keinginan dan keazaman mereka untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi setelah mereka berjaya menamatkan peperiksaan SPM kelak. Terdapat satu kajian yang dikongsikan oleh seorang perunding latihan yang dikenali sebagai Nik Akmal dan beliau mendapati, data daripada Jabatan Perangkaan Malaysian (DOSM) mendedahkan bahawa lebih 72% rakyat Malaysia memilih untuk tidak menyambung pelajaran mereka selepas peperiksaan SPM (Hafiz Mutalib, 2022). Justeru itu, Program Perkampungan Ilmu ini dilihat sebagai suatu kerjasama yang utuh dan efektif di antara pihak SMK Senawang, GPMS Kampus Seremban dan juga APB Kampus Seremban.



Poster Program "Perkampungan Ilmu Bersama SMK Senawang"

Sepanjang 3 hari program berlangsung, pelbagai aktiviti yang telah dijalankan oleh pihak sekolah. Aktiviti-aktiviti daripada pihak sekolah adalah merupakan slot-slot perbincangan subjek-subjek SPM yang telah diadakan di Dewan Toh Puan Sungai Ujong (TPSU 2), UiTMCNS Kampus Seremban. Majlis perasmian program telah diadakan pada hari Jumaat, 2 September 2022.

Majlis ini telah dihadiri oleh Pengetua Cemerlang SMK Senawang, YM Tengku Adnan bin Raja Daud, Yang Dipertua PIBG SMK Senawang, Encik Marzuki bin Abdul Manap, Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Bank Rakyat, YB Dato' Hj Adnan bin Hj Abu Hassan, Koordinator APB Kampus Seremban, En Mohd Ikram bin Nor Rizan, Penasihat 2 GPMS Kampus Seremban, Puan Rodhiah binti Amzah, guru-guru dari SMK Senawang, beberapa pensyarah dari APB Kampus Seremban, fasilitator GPMS dan juga para peserta program. Setelah selesai sesi penyerahan pelajar dilakukan, para peserta program telah dibawa melawat kawasan kampus UiTMCNS Kampus Seremban bagi sesi "Campus Tour" dan program diteruskan lagi dengan slot-slot perbincangan subjek SPM. Pihak sekolah juga telah menjemput pakar motivasi terkemuka iaitu Ustaz Syamsul Debat bagi menyampaikan ceramah motivasi kepada peserta dan sesi ceramah ini juga dimeriahkan dengan penglibatan daripada staf UiTM.



Majlis Perasmian Program Perkampungan Ilmu SMK Senawang bersama para jemputan dari SMK Senawang, Wakil dari GPMS Kampus Seremban, Wakil dari APB Kampus Seremban dan juga para peserta program.

Selain itu, pihak APB Kampus Seremban telah bekerjasama dan menggembungkan tenaga bagi menjayakan program ini dengan menyumbang 2 slot aktiviti iaitu "Ceramah Haluan Kerjaya" dan "Language Explorace". Seramai 9 orang pensyarah APB terlibat dalam aktiviti ini dan bagi slot ceramah kehidupan pula, sesi ini telah disampaikan oleh kaunselor UiTMCNS Kampus Seremban, Puan Nur Izzati Binti Syamsuri. Kesemua aktiviti yang telah dianjurkan oleh pihak GMPS Kampus Seremban dengan kerjasama APB Kampus Seremban telah berjaya menarik minat para peserta untuk mengikutinya, sekaligus membantu mereka mendapatkan jawapan bagi setiap persoalan mereka terutamanya berkenaan dengan kehidupan di Universiti.



Sesi ceramah motivasi bersama Ustaz Syamsul Debat

Para Fasilitator GMPS Kampus Seremban telah menjalankan tugas mereka dengan sangat baik dan mendapat pujian daripada pihak sekolah. Selain daripada merancang segala aturan perjalanan aktiviti bersama dengan pihak APB Kampus Seremban, mereka juga telah berjaya membantu pihak sekolah dari segi tenaga, teknikal dan juga sokongan kepada para peserta. Para fasilitator telah berjaya menganjurkan program ini dalam masa yang singkat dan program ini telah menjadi satu program kayu ukur kepada banyak lagi program bersemuka yang akan dianjurkan oleh pihak GPMS Kampus Seremban bersama-sama dengan pihak dalaman UiTM dan komuniti luar. Sebahagian besar peserta program telah memberikan respon yang sangat positif kepada penganjuran program ini. Mereka turut bersetuju bahawa program ini adalah satu usaha yang sangat baik dan memberi mereka motivasi bagi menghadapi peperiksaan SPM pada tahun hadapan. Diharapkan, program dan kerjasama jitu seperti ini akan dapat dilaksanakan lagi pada tahun-tahun yang akan datang dan pihak GMPS Kampus Seremban sentiasa berjaya melahirkan para pemimpin yang dinamik serta berbakat seterusnya berbakti kepada Universiti dan masyarakat selaras dengan moto Gagasan Pelajar Melayu Semenanjung iaitu “Belajar Terus Belajar”.



Aktiviti “Language Explorace” bersama para pensyarah APB Kampus Seremban